

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS, TAHUN 2017**

**DARIPADA : DATO' SRI DR HAJI IRMOHIZAM BIN IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 7 MAC 2017, SELASA

SOALAN : 35

Dato' Sri Dr Haji Irmohizam Bin Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan apakah usaha yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan masyarakat di dalam perlaksanaan Ekonomi Digital negara dan sejauh manakah Zon Perdagangan Bebas Digital berupaya untuk meningkatkan tahap ekonomi negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Sejajar dengan usaha membangunkan ekonomi digital, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bersama agensinya Malaysia Digital Economy Corporation atau MDEC telah diberi mandat bagi melaksanakan pelbagai program dalam membangunkan ekosistem ekonomi digital negara yang mampan. Setelah 20 tahun MDEC diwujudkan, antara inisiatif dan usaha yang telah dilaksanakan termasuk:

- memacu pelaburan asing dan tempatan di dalam negara;
- memperkasa syarikat tempatan untuk menembusi pasaran global;
- memungkin pembangunan ekosistem inovatif melalui tumpuan ke pembangunan sektor teknologi terkini seperti *Big Data Analytics* (BDA), *Internet of Things* (IoT) and eDagang; serta
- menggalakkan penyertaan rakyat di dalam ekonomi digital melalui dua program utama iaitu eUsahawan dan eRezeki.

Program eUsahawan dan eRezeki yang diperkenalkan pada 2015 telah memberi manfaat besar kepada rakyat khususnya kepada golongan B40 serta golongan eUsahawan muda dan desa.

- Bagi program eRezeki, pada tahun 2016, sebanyak 50,618 individu telah dilatih di melalui Pusat dan Wakil eRezeki di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 57% telah menjana pendapatan dengan nilai terkumpul sebanyak RM17 juta; dan
- Manakala bagi program eUsahawan sejumlah 51,203 usahawan muda dan desa telah mengikuti kursus eUsahawan dan kira-kira 30% daripada peserta telah mula melaporkan jualan tambahan keseluruhan sejumlah RM48 juta.

Di samping itu juga, terdapat program dan inisiatif di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) seperti berikut:

1. PIM
2. POS

Melalui usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan ini, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa tahun 2017 adalah

merupakan “Tahun Internet” sejajar dengan potensi ekonomi dan aspirasi Kerajaan bagi menjadikan ekonomi digital sebagai sumber ekonomi baharu.

Selaras dengan pencapaian dan perkembangan pesat ekonomi digital dan bagi meneruskan usaha pembangunan ini, YAB Perdana Menteri semasa sesi pembentangan Bajet 2017 telah mengumumkan perlaksanaan Zon Perdagangan Bebas Digital atau Digital Free Trade Zone atau DFTZ.

Menurut YAB Perdana Menteri, DFTZ adalah sebuah inisiatif yang menggabungkan Zon Perdagangan Bebas secara fizikal dan digital bagi memudahcara eDagang antarabangsa atau “*cross-border eCommerce*” serta menggalakkan inovasi perdagangan berdasarkan Internet. Kerajaan menjangkakan untuk mengumumkan perlaksanaan inisiatif DFTZ pada 22 Mac 2017 ini.